

IKLAN JAWATAN KOSONG PEGAWAI KEWANGAN GRED W41

INDIVIDU (WARGANEGARA MALAYSIA) YANG BERKELAYAKAN DIPELAWA UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN DI BAWAH

1. (a) Jawatan : Pegawai Kewangan
(b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan
(c) Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan (W)
(d) Jenis Skim Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
(e) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
(f) Gred : W41
 2. Jadual Gaji : (RM Sebulan)
- | Gred Gaji | Gaji Minimum | Gaji Maksimum | Kadar Kenaikan Gaji Tahunan |
|-----------|--------------|---------------|-----------------------------|
| W41 | 2,094.00 | 9,585.00 | 225.00 |
- Imbuhan Tetap : Khidmat Awam : RM 300.00
Perumahan : RM 300.00
3. Syarat Lantikan :
 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - a) Warganegara Malaysia;
 - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - c) Kelayakan Lantikan Ke Gred W41 :
: (i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perdagangan atau pengajian perniagaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji Permulaan : Gred W41: RM2,094.00

ATAU

: (ii) Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang perdagangan atau pengajian perniagaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji Permulaan : Gred W41: RM2,300.73

ATAU

: (iii) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

Gaji Permulaan

: Gred W41: RM2,819.63

ATAU

: (iv) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan..

Gaji Permulaan

: Gred W41: RM2,819.63

ATAU

: (v) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

Gaji Permulaan

: Gred W41: RM2,923.41

ATAU

: (vi) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.

Gaji Permulaan

: Gred W41: RM3,027.19

DAN

Syarat Lantikan Tambahan : -

Syarat Bahasa Melayu

: Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan

: Pemohon yang berjaya akan ditawarkan jawatan bertaraf Kontrak dalam satu tempoh masa yang ditetapkan sebelum dipertimbangkan ke jawatan bertaraf Tetap.

5. Syarat Peningkatan Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Akauntan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Universiti untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Kewangan Gred W41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- (a) (i) mempunyai kelayakan di perkara 3.1 (c) (i); atau 3.1 (c) (ii); atau 3.1 (c) (iii); atau 3.1 (c) (iv); atau 3.1 (c) (v) atau 3.1 (c) (vi); atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

6. Ringkasan Tugas : **Umum**

Bertanggungjawab menyelaras dan menyelenggara fungsi-fungsi mengenai urusan pembayaran gaji, elauan kerja lebih masa dan tuntutan panjar wang runcit staf. Bertanggungjawab dalam menguruskan aktiviti kewangan Universiti serta terlibat dalam penggubalan dasar kewangan, pelaburan, pengurusan kewangan, perakaunan dan perancangan keseluruhan bagi setiap proses kerja kewangan iaitu menguruskan perolehan dan pembayaran, mengawal peruntukan, meluluskan pemindahan imbuhan, meluluskan permohonan perbelanjaan, mengurus, mengawal dan memantau pelaburan, mengawal dan memantau pengeluaran cek dan panjar wang runcit, memantau pertanyaan audit dan mengawal harta dan inventori pejabat. Juga bertanggungjawab menyelaras pengurusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan, Akaun dan Aliran Tunai serta menyelia dan mengaplikasi Pekeliling-Pekeliling Perbendaharaan Akta-Akta yang sedang berkuat kuasa dalam Pengurusan Kewangan dan Akaun.

Khusus

Akan ditetapkan oleh Ketua Pusat TanggungJawab mengikut keperluan perkhidmatan dan tugas.

Keutamaan akan diberikan kepada staf tetap/kontrak yang sedang berkhidmat di Universiti Sains Malaysia.

PENDAFTAR